



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 17 SEPTEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	ALLOWANCE FOR FISHERMEN RAISED BACK TO RM300, ONLINE, BERNAMA MUHYIDDIN LUANG MASA BERSAMA WARGA PELADANG, PENTERNAK & NELAYAN DI BEAUFORT, ONLINE, BERNAMA ELAUN SARA HIDUP NELAYAN DINAIKKAN KEPADA RM300 SEBULAN, ONLINE, BERNAMA ELAUN SARA HIDUP NELAYAN DINAIKKAN KEPADA RM300 SEBULAN, ONLINE, UTUSAN BORNEO MUHYIDDIN LUANG MASA BERSAMA WARGA PELADANG, PENTERNAK & NELAYAN DI BEAUFORT, ONLINE, UTUSAN BORNEO	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
6. 7. 8. 9.	SERAH KAJIAN PARASIT CACING HATI JPV SABAH, GAYA, UM-25 TONGKOL SUDAH TIADA, NASIONAL, BH-13 SYUKUR BERDUKA, SEMEK PERGI JUA, NEGARA, KOSMO-9 HAWAR BERDARAH MEREBAK PANTAS, DALAM NEGERI, UM-10	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
11. 12. 13.	MAQIS RAMPAS 11 KG SARANG BURUNG WALID, NEGARA, KOSMO-13 DICEKUP CUBA SELUDUP 11 KG SARANG WALET, LOKAL, HM-6 CUBAAN SELUDUP SARANG WALIT GAGAL, DALAM NEGERI, UM-31	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
14.	PASARKAN SERUNDING KE SELURUH NEGARA, BISNES, SH-30	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
15.	NELAYAN BERIJAZAH, NASIONAL, HAKAKAH-5	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
16. 17. 18. 19. 20. 21. 22.	HIGH COST OF WASTING FOOD, VIEWS, THE STAR-13 KAMI ANAK MALAYSIA BERGEMA DI PUNCAK BUKIT PANAU, NASIONAL, UM-13 BERNAS GIVES RICE, MONEY TO FAMILIES, NATION, NST-13 50 KELUARGA TERIMA SUMBANGAN, BISNES, HM-24 JUALAN LEBIH RM 400 JUTA, BISNES, HM-23 PANTAU SUNGAI KIM-KIM ELAK PENCEMARAN BERULANG, NASIONAL, SH-12 HASIL PERTANIAN DIKONGSI BERSAMA, RENCANA UTAMA, KOSMO-20	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/9/2020	BERNAMA	ONLINE	

Allowance for fishermen raised back to RM300 - Muhyiddin



BEAUFORT, Sept 17 — The government has decided to raise the Elaun Sara Hidup for fishermen back to RM300 from RM250 a month, said Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin today.

"I would like to remind you that during the time Pakatan Harapan (PH) was running the government, Warisan was part of PH. At that time, the Elaun Sara Hidup for fishermen was cut from RM300 to RM250.

"Today, I would like to announce that we are restoring it (to the previous amount)," he said to loud applause when speaking at the launch of the Bukit Huma Padi Fertiliser and Pesticide Subsidy Scheme at Dataran Bagandang here, about 90 km from Kota Kinabalu.

Also present were Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, his two deputies Datuk Seri Ahmad Hamzah and Datuk Che Abdullah Mat Nawi, Beaufort Member of Parliament Datuk Azizah Mohd Dun and former Sabah chief minister Tan Sri Musa Aman.

The scheme, among others, offers assistance in the form of grants, allowances, breeding schemes and zakat to eligible farmers, livestock breeders and fishermen to help improve their standard of living.

The scheme involves agencies like the National Farmers Organisation (NAFAS), Fisheries Development Authority of Malaysia (LKIM), Farmers Organisation Authority (LPP) and Agrobank.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/9/2020	BERNAMA	ONLINE	

Muhyiddin luang masa bersama warga peladang, penternak dan nelayan di Beaufort



BEAUFORT, 17 Sept -- Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini meluangkan masa bersama warga peladang, penternak dan nelayan Sabah di Dataran Bagandang, di sini, kira-kira 90 kilometer dari Kota Kinabalu, hari ini.

Muhyiddin, yang tiba jam 9.45 pagi sambil memakai pelitup muka, melambaikan tangan kepada hadirin yang turut menjaga pematuhan prosedur operasi standard (SOP) COVID-19 termasuk penjarakan fizikal.

Turut hadir Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiang, dua timbalannya Datuk Seri Ahmad Hamzah, Datuk Che Abdullah Mat Nawi, Ahli Parlimen Beaufort Datuk Azizah Mohd Dun dan bekas Ketua Menteri Tan Sri Musa Aman.

Muhyiddin dijangka akan melancarkan Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit Huma pada acara ini, yang antara lain memberi bantuan berupa geran, elaun, skim ternakan, dan zakat kepada golongan peladang, penternak dan nelayan yang layak dalam usaha membantu meningkatkan taraf hidup golongan tersebut.

Skim ini melibatkan agensi seperti Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Agrobank.

--BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/9/2020	BERNAMA	ONLINE	

Elaun Sara Hidup Nelayan dinaikkan ke RM300 sebulan



BEAUFORT, 17 Sept -- Kerajaan bersetuju menaikkan Elaun Sara Hidup Nelayan dari RM250 kepada RM300 sebulan, kata Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Saya ingin ingatkan, sewaktu Pakatan Harapan (PH) mentadbir negara, Warisan adalah sebahagian daripada PH. Di waktu itu, elaun sara hidup nelayan dipotong dari RM300 kepada RM250.

"Hari ini saya ingin umumkan, kita kembalikannya semula," katanya sambil disambut tepukan gemuruh ketika berucap melancarkan Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit Huma, di Dataran Bagandang, di sini, kira-kira 90 kilometer dari Kota Kinabalu, hari ini.

Turut hadir Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, dua timbalannya Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Datuk Che Abdullah Mat Nawi, Ahli Parlimen Beaufort Datuk Azizah Mohd Dun dan bekas Ketua Menteri Tan Sri Musa Aman.

Skim itu antara lain memberi bantuan berupa geran, elaun, skim ternakan, dan zakat kepada golongan peladang, penternak dan nelayan yang layak mendapatnya dalam usaha membantu meningkatkan taraf hidup golongan itu.

Skim berkenaan melibatkan agensi seperti Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Agrobank.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/9/2020	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Elaun sara hidup nelayan dinaikkan ke RM300 sebulan



Muhyiddin (dua, kiri) menyerahkan replika Bayaran Elaun Sara Hidup Nelayan Sabah berjumlah RM21,143,369 kepada Pengerusi Persatuan Nelayan Sabah Yusof Muhammad yang mewakili 7,581 nelayan pada majlis bersama Peladang, Penternak dan Nelayan di Dataran Bagandang hari ini. - *Gambar Bernama*

BEAUFORT: Kerajaan bersetuju menaikkan Elaun Sara Hidup Nelayan dari RM250 kepada RM300 sebulan, kata Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Saya ingin ingatkan, sewaktu Pakatan Harapan (PH) mentadbir negara, Warisan adalah sebahagian daripada PH. Di waktu itu, elaun sara hidup nelayan dipotong dari RM300 kepada RM250.

"Hari ini saya ingin umumkan, kita kembalikannya semula," katanya sambil disambut tepukan gemuruh ketika berucap melancarkan Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit Huma, di Dataran Bagandang, di sini, kira-kira 90 kilometer dari Kota Kinabalu, hari ini.

Turut hadir Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiang, dua timbalannya Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Datuk Che Abdullah Mat Nawi, Ahli Parlimen Beaufort Datuk Azizah Mohd Dun dan bekas Ketua Menteri Tan Sri Musa Aman.

Skim itu antara lain memberi bantuan berupa geran, elaun, skim ternakan, dan zakat kepada golongan peladang, penternak dan nelayan yang layak mendapatnya dalam usaha membantu meningkatkan taraf hidup golongan itu.

Skim berkenaan melibatkan agensi seperti Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Agrobank.

Elaun sara hidup itu termasuk dalam skim yang dilancarkan itu memanfaatkan seramai 7,581 nelayan di Sabah.

Skim itu juga meliputi Insentif Skim Rezeki Ternak dengan peruntukan sebanyak RM1.73 juta yang akan memanfaatkan penternak ruminan dan penternak unggas berskala kecil dan sederhana.

Geran Agropreneur Muda dengan peruntukan sebanyak RM2.94 juta pula akan memberi manfaat kepada 182 usahawan dan Insentif Projek Pembangunan Industri Kopi dengan peruntukan RM556,000.

Muhyiddin berkata kerajaan mendengar dan memahami kesusahan golongan nelayan, penternak dan petani khususnya ketika negara berdepan pandemik COVID-19.

"Saya mendengar dan memahami kesukaran hidup golongan nelayan dalam berdepan saat-saat sukar negara menghadapi wabak COVID-19. Saya berharap kenalkan elaun ini akan sedikit sebanyak mengurangkan beban yang dihadapi," katanya.

Perdana menteri dalam ucapannya juga menegaskan bahawa kerajaan Perikatan Nasional (PN) mengambil pendekatan yang sewajarnya berkaitan bantuan yang diberikan termasuk dalam sektor pertanian demi kestabilan ekonomi negara.

"Saya sebutkan ini ialah kerana, kesan daripada masalah yang kita hadapi akan menyebabkan ekonomi kita hampir runtuh, kerana itu kerajaan bertindak (memberi bantuan) termasuklah bagi sektor pertanian supaya ekonomi kita tidak akan jatuh. Rakyat tidak akan menderita dalam keadaan sebegini," katanya.

Muhyiddin menarik perhatian, dengan keupayaan kerajaan PN yang ada, Malaysia berupaya untuk menangani COVID-19 hingga diangkat menjadi antara negara terbaik dalam aspek pengurusan pandemik itu.

"Ini perkara yang tidak pernah berlaku dalam sejarah Malaysia (COVID-19), tidak pernah berlaku di mana-mana di seluruh dunia, di negara lain masalah COVID-19 masih terus berlaku, sebagaimana juga Malaysia.

"Sekurang-kurangnya Malaysia ini dengan keupayaan kita kerajaan (PN), maka Malaysia sudah sampai tahap nombor satu dalam usaha mengatasi dan menghadapi masalah COVID-19," tambahnya. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/9/2020	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Muhyiddin luang masa bersama warga peladang, penternak dan nelayan di Beaufort



Muhyiddin (dua, kanan) merasmikan Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit Huma di Dataran Bagandang hari ini. - Gambar Bernama

BEAUFORT: Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini meluangkan masa bersama warga peladang, penternak dan nelayan Sabah di Dataran Bagandang, di sini, kira-kira 90 kilometer dari Kota Kinabalu, hari ini.

Muhyiddin, yang tiba jam 9.45 pagi sambil memakai pelitup muka, melambaikan tangan kepada hadirin yang turut menjaga pematuhan prosedur operasi standard (SOP) COVID-19 termasuk penjarakan fizikal.

Turut hadir Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, dua timbalannya Datuk Seri Ahmad Hamzah, Datuk Che Abdullah Mat Nawi, Ahli Parlimen Beaufort Datuk Azizah Mohd Dun dan bekas Ketua Menteri Tan Sri Musa Aman.

Muhyiddin dijangka akan melancarkan Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit Huma pada acara ini, yang antara lain memberi bantuan berupa geran, elaun, skim ternakan, dan zakat kepada golongan peladang, penternak dan nelayan yang layak dalam usaha membantu meningkatkan taraf hidup golongan tersebut.

Skim ini melibatkan agensi seperti Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Agrobank. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/9/2020	UTUSAN MALAYSIA	GAYA	25

Serah kajian parasit cacing hati JPV Sabah

PENYELIDIK Universiti Putra Malaysia (UPM) menyerahkan laporan hasil kajian cacing hati yang terdapat pada ruminan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Sabah baru-baru ini.

Kerjasama penyelidikan UPM-JPVS telah bermula tahun lalu melibatkan pegawai JPVS, pelajar Fakulti Perubatan Veterinar, UPM dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Ketua projek kajian tersebut, yang juga Pakar Parasitologi, **Dr. Nur Mahiza Md Isa** dari Fakulti Perubatan Veterinar, UPM berkata, pernah dilaporkan kes cacing hati di negeri Sabah yang dinamakan *Fasciola* pada manusia.

"Penyakit *Fasciola* adalah penyakit parasit tropika yang jarang diabaikan (*Neglected Tropical Disease*).

Kita bimbang penyebaran penyakit tersebut kerana cacing *Fasciola* ini adalah penyakit zoonotik, di mana ia boleh dijangkiti daripada haiwan besar seperti lembu

dan kerbau.

"Parasit cacing hati ini memberikan kesan secara jangka panjang kepada pengeluaran ternakan," katanya.

Sementara itu, **Prof. Madya Dr. Lokman Hakim** yang juga merupakan ahli projek tersebut berkata, hasil kajian tersebut memberikan petunjuk awal untuk kepentingan kawalan dan rawatan parasit *Fasciola* di Sabah.

"Hasil dapatan kajian ini menunjukkan beberapa tempat mempunyai kes positif *Fasciola* pada lembu dan kerbau," katanya.

Pengarah JPVS, **Dr. Peter Lee Ah Kong**

yang menerima laporan kajian tersebut di Wisma Pertanian Sabah berkata, JPV Sabah bersetuju supaya kajian seperti itu diperluaskan lagi pada kawasan lain pada masa akan datang.

"JPVS juga bersetuju untuk melihat penambahbaikan peraturan pengimportan ternakan dari luar negara dengan mengambilkira kawalan parasit," katanya.



DR. NUR MAHIZA MD. ISA menyerahkan laporan hasil kajian cacing hati pada ruminan kepada **DR. PETER LEE AH KONG** di Kota Kinabalu, Sabah, baru-baru ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/9/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	13

'Tongkol sudah tiada'

10 lagi kerbau milik 'Mowgli Malaysia' mati semalam

Oleh Ahmad Rablul Zulkifli
bhnews@bh.com.my

Kuala Terengganu: Sebanyak 10 lagi kerbau milik keluarga Muhammad Syukur Khamis, 15, atau lebih dikenali sebagai 'Mowgli Malaysia' mati semalam.

Kini giliran kerbau kesayangan Muhammad Syukur yang dipanggil Tongkol pula mati kerana diserang penyakit hawar berdarah (HS).

Gambar Syukur bersama Tongkol yang dirakam jurugambar bebas, Yusuf Madi itu baru sahaja menjadi tular selepas memenangi gambar terbaik bulanan untuk Ogos yang dianjurkan Asian Geographic serta diumumkan pada 1 September lalu.

Muhammad Syukur berkata, dua ekor kerbau kesayangan dan paling banyak berjasa kepadanya mati semalam.

"Semek ditemui mati pagi tadi, Tongkol pula mati

kira-kira jam 5 petang.

"Saya sedang memandikan Tongkol sebelum Tongkol secara tiba-tiba mengelupur dan mati.

"Hanya Allah yang tahu perasaan saya ketika ini. Rasa sangat sedih dengan apa yang berlaku sekarang," katanya.

Tambahnya, kerbau jantan berusia enam tahun itu mengalami tanda HS sejak tengahari semalam.

"Sejak pagi tadi saya bersama adik-beradik lain berusaha menenangkan Tongkol dengan menyuap minuman dan sentiasa membasahkan badannya dengan harapan Tongkol boleh diselamatkan.

"Ingatkan Tongkol mampu bertahan tetapi sebaliknya apabila mati pada petang ini," katanya.

Menurutnya, keistimewaan kerbaunya itu kerana ia antara ternakan yang mudah untuk diuruskan ketika sesi bergambar.

Kematian kerbau itu menjadikan jumlah keseluruhan ternakan yang mati akibat hawar berdarah adalah 51 ekor sejak 9 September lalu.

Menurut abang Syukur, Muhammad Alias Khamis, 30, kerbau yang mempunyai tanda penyakit itu ma-

sih ada, tetapi jumlahnya sedikit.

"Kerbau besar dan berusia mempunyai antibodi kuat berbanding kerbau kecil menyebabkan ia mampu bertahan.

"Setakat ini dua ibu kerbau yang masih menyusui anak mati kerana penyakit itu," katanya ketika ditemui di kandang kerbaunya di Kampung Kubang Bujuk, Serada.

Muhamad Alias berkata, 60 kerbau merempuh pagar kandang untuk keluar awal pagi semalam.

"Jabatan Perkhidmatan Veterinar Terengganu mengarahkan supaya kerbau dikurung dalam kandang.

"Bagaimanapun keadaan tidak terkawal apabila kumpulan kerbau itu merempuh pagar dan lolos ke kawasan paya berdekatan kerana kepanasan.

"Sebelum ini kerbau itu sudah biasa dilepas bebas ke kawasan paya, berendam dan mencari makan di luar kandang," katanya.

"Sedih melihat keadaan ayah yang masih tidak berehat sejak hari pertama hawar menyerang kerbau.

"Kami adik-beradik bekerjasama membantu bapa sehingga wabak ini pulih," katanya.



Muhammad Syukur di sisi Tongkol yang mati semalam.



Tongkol memenangi anugerah gambar terbaik Ogos anjuran Asian Geographic.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/9/2020	KOSMO	NEGARA	9

Kerbau betina dalam telemovie *Budok Kuba* mati disebabkan hawar berdarah

Syukur berduka, Semek pergi jua

Oleh MOHD. AZH ADLAN

KUALA TERENGGANU — Air mata Muhammad Syukur Khamis atau lebih dikenali sebagai Mowgli Malaysia terus mengalir apabila sembilan lagi kerbau peliharaan keluarganya mati akibat hawar berdarah semalam.

Lebih memeritkan, ternakan yang mati itu ialah Semek yang merupakan antara kerbau kesayangan Muhammad Syukur.

"Kebimbangan saya sejak seminggu lalu akhirnya menjadi kenyataan.

"Kini yang tinggal (kerbau kesayangan) hanya Along dan Tokol," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Semek yang bunting tujuh bulan pernah digunakan dalam penggambaran telemovie *Budok Kuba* baru-baru ini.

Menurut remaja berusia 19 tahun itu, sebanyak 50 ekor kerbau milik bapanya, Khamis Jusoh, 64, mati akibat wabak berkenaan setakat semalam.

Katanya, ayahnya turut berse-dih atas kehilangan ternakan itu termasuk dua induk yang baru melahirkan anak.

Pelajar tingkatan tiga Sekolah



MUHAMMAD SYUKUR bersama kerbau kesayangannya, Semek yang mati akibat penyakit hawar berdarah semalam. — PUOTRA HAIRRY

Mehengah Kebangsaan Padang Midin itu berkata, sebahagian kerbau peliharaan bapanya yang masih hidup turut menunjukkan simptom wabak hawar berdarah seperti kemurungan dan hidung berair.

Sementara itu, abang Muhammad Syukur, Muhammad Alias, 30, berkata, dia meminta ba-

panya yang mengalami kepenatan fizikal dan mental supaya berehat di rumah mulai semalam.

"Ayah (Khamis) tidak cukup tidur dan menghabiskan masa seharian di kandang sejak 9 September lalu.

"Hari ini (semalam) saya minta dia berehat di rumah. Kami lapan beradik mengambil alih tang-

gungjawab menguruskan kerbau yang sudah mati," katanya.

Dalam pada itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar menasihatkan orang ramai supaya tidak panik kerana hawar berdarah tidak menjangkiti manusia.

Kebiasaannya penyakit itu menyerang lembu atau kerbau dan boleh menyebabkan kematian dalam jangka masa lapan hingga 24 jam selepas dijangkiti.

"Penyakit itu merupakan penyakit akut pasteurellosis yang disebabkan oleh bakteria *Pasteurella Multocida* (p. multocida) Carter's Type B Ia kerap menyerang ternakan pada musim hujan," katanya.

Kosmo! kelmarin melaporkan hati Muhammad Syukur luluh menyaksikan 36 kerbau peliharaan keluarganya mati disebabkan wabak hawar berdarah.

Muhammad Syukur mula terkenal sejak awal tahun lalu selepas gambarnya bermesra dengan sekumpulan kerbau memenangi anugerah fotografi antarabangsa termasuk yang terbaru Imej Asia 2020 bagi kategori Orang/Jalanan oleh Asian Geographic pada bulan lalu.



KERATAN *Kosmo!* kelmarin.

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA
SURAT

17/9/2020

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

31

Kematian mengejut kerbau di Kubang Bujuk beri petanda

Hawar berdarah merebak pantas

Oleh ROSALINDA MD.SAID
rosalinda.said@mediamail.com.my

KUALA TERENGGANU: Kematian mengejut 50 kerbau di kandang Kampung Kubang Bujuk di sini memberi isyarat amaran penyakit hawar berdarah boleh merebak dengan pantas jika tidak dibendung.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Ahmad Amzad Hashim berkata, sekiranya wabak itu menular bukan sahaja penternak yang mengalami kerugian malah sektor penternakan dalam negara turut berisiko terjejas.

Katanya, ujian besar yang dihadapi keluarga Muhammad Syukur Khamis, 15, mahu pun mana-mana penternak lain yang terkesap dengan situasi itu wajar mendapat pembelaan dan bantuan secukupnya daripada pihak kerajaan.

"Saya sudah berhubung dengan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Che Abdullah Mat Nawi dan beliau terkejut kerana sudah lama saya ini tidak berlaku sekali gus saya menyatakan harapan agar penternak ini dibantu.

"Perkembangan terbaru ini



AHMAD Amzad Hashim (tengah) berbual dengan Muhammad Syukur Khamis sambil diperhatikan Khamis Jusoh ketika melawat kandang kerbau di Kampung Kubang Bujuk, Kuala Terengganu semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROGLI

memberi amaran bahaya hawar berdarah bukan sahaja di kawasan ini tetapi juga di tempat, daerah dan negeri lain kerana wabak boleh berjangkit dengan kadar cepat," katanya kepada pemberita selepas melawat kandang keluarga Muhammad Syukur di Kampung Kubang Bujuk

di sini hari ini.

Ahmad Amzad yang juga Ahli Parlimen Kuala Terengganu turut berharap semua pihak dapat membantu meringankan beban keluarga Muhammad Syukur termasuk dalam urusan menanam bangkai kerbau dan pemasangan pagar besi di kandang itu

bagi tujuan pengasingan ternakan yang dijangkiti penyakit.

Katanya, di peringkat Kementerian pihaknya mengamati serius perkembangan wabak hawar berdarah itu khususnya penggunaan vaksin bagi menghalang jangkitan penyakit tersebut.

Keluarga Syukur harap penyakit terkawal

KUALA TERENGGANU: Keluarga Muhammad Syukur Khamis berharap langkah mengasingkan lebih 50 ekor lagi kerbau mereka dapat mengawal penularan penyakit itu.

Bapa Muhammad Syukur, Khamis Jusoh, 64, berkata, pemindahan itu dijangka dapat dilakukan dalam tempoh terdekat dengan bantuan pagar yang dipinjamkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu.

"Kesemua kerbau yang sihat akan segera diasingkan daripada yang dikesan berpenyakit.

"Selain itu, kita juga akan memasang jaring di bahagian atas kandang bagi mengelakkan kerbau kepanasan semasa dikurung," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Jumlah kematian kerbau milik keluarga Muhammad Syukur yang dipercayai dijangkiti penyakit hawar berdarah meningkat kepada 50 ekor dalam tempoh hanya seminggu.

Semalam sembilan lagi haiwan peliharaan remaja itu mati termasuk kerbau kesayangannya, Semek.

Kandang kerbau milik Khamis diarah tutup berkuatkuasa semalam selepas diwartakan sebagai kawasan kawalan penyakit susulan kematian mengejut ternakannya sejak Rabu lalu yang dipercayai akibat penyakit hawar berdarah.

Penutupan yang dibuat mengikut Subseksyen 70 Akta Binatang 1953 (Akta 647) itu bertujuan menghadkan masuknya orang awam ke kandang berkenaan sekali gus mengelak penularan wabak hawar berdarah ke kawasan lain.

Muhammad Syukur hilang kawan karib

KUALA TERENGGANU: Ketakutan terbesar remaja, Muhammad Syukur Khamis, 15, untuk kehilangan empat 'sahabat karibnya' akibat jangkitan penyakit dipercayai hawar berdarah akhirnya menjadi realiti apabila seekor daripadanya mati.

Kematian kerbau betina dewasa berusia tujuh tahun dipanggil Semek itu disedari kakaknya, Nor Ain Amirah, 20, ketika ke kandang kerbau milik keluarga mereka di Kampung Kubang Bujuk di sini, kira-kira pukul 7 pagi.

Berita mengejutkan itu sekali gus mengulangi kesedihan Muhammad Syukur semasa kali pertama kehilangan kerbau kesayangannya pada awal tahun lalu.

Katanya, terlalu banyak memori bersama Semek yang dijaga sejak enam tahun lalu termasuk pernah berlakon dalam telemovie *Budok Kubo* di samping bergandingan dalam gambar-gambar yang dirakam jurugambar.

"Semek antara yang paling saya sayang, walaupun sudah beberapa hari demam tetapi petang semalam keadaannya nampak okay dari saya sempat memberinya minum air garam.

"Saya terkejut sebab Semek tidak menunjukkan tanda-tanda sakit hawar berdarah seperti selserna dan sebagainya," katanya ketika ditemui di sini.

Muhammad Syukur berkata, Semek yang dijangka melahirkan anak kedua pada bulan depan tidak dapat diberi suntikan antibiotik oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) kerana bunting.

Walaupun sedih namun dia reda dengan kehilangan sahabat karibnya itu sekali gus berharap nasib malang tersebut tidak menimpa rakan lain, iaitu Along, Tongkol dan Awang.

"Setakat ini tiada kerbau yang boleh menggantikan Semek, mungkin yang ada cuma anak-anak, Along," katanya sedih.



KERBAU kesayangan Muhammad Syukur Khamis, Semek yang berusia tujuh tahun mati pagi semalam di Kampung Kubang Bujuk, Kuala Terengganu.

Maqis rampas 11 kg sarang burung walid

JOHOR BAHRU - Cubaan seorang lelaki menyeludup masuk 11 kilogram (kg) sarang burung walit dari Indonesia tidak berhasil apabila ditahan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai kelmarin.

Pengarah Maqis Johor, Nur Afifah A. Rahman berkata, sarang burung walit yang dirampas itu dianggarkan bernilai kira-kira RM4,000 dan ditemui dalam dua kotak berasingan.

Menurutnya, kejayaan itu hasil pemeriksaan yang dibuat pihaknya dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia di Pejabat Pos DHL Express Senai kira-kira pukul 12 tengah hari.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati barang dagangan berkenaan tidak mempunyai sebarang dokumen seperti permit import yang sah yang

dikeluarkan oleh Maqis dan sijil Kesihatan dari negara asal.

"Barang dagangan tersebut telah ditahan Maqis dan kes disiasat di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana mengimport keluaran pertanian tanpa permit, lesen atau perakuan yang dikeluarkan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Nur Afifah berkata, pihaknya juga telah mengambil keterangan lelaki berusia 40-an yang membeli barang dagangan tersebut.

Jelasnya, Maqis sentiasa komited menjalankan penguatkuasaan undang-undang di kesemua pintu masuk negara.

"Penguatkuasaan akan dipertingkatkan bagi memastikan kawalan penyakit ikan, haiwan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara," ujarnya.



SARANG burung walit yang dirampas cuba diseludup masuk ke negara ini dari Indonesia. - GAMBAR HIASAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/9/2020	HARIAN METRO	LOKAL	6

Dicekup cuba seludup 11kg sarang walet

Senai: Cubaan seorang warga tempatan membawa masuk 11 kilogram (kg) sarang burung walet dari Indonesia digagalkan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai di sini, kelmarin.

Sarang burung walet dianggarkan bernilai RM4,000 itu cuba dibawa masuk seorang lelaki berusia 40 tahun menerusi perkhidmatan kurier, di sini.

Pengarah Maqis Johor, Nur Afifah A Rahman berkata, ia dikesan susulan pemeriksaan Maqis dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di sebuah syarikat kurier, pada jam 12 tengah hari kelmarin.

"Hasilnya, kami menemui produk sarang burung walet yang dimuatkan dalam dua kotak berasingan.

"Pemeriksaan lanjut

mendapati dagangan itu tidak mempunyai sebarang dokumen seperti permit import sah yang dikeluarkan Maqis dan sijil kesihatan dari negara asal.

"Lelaki berkenaan mengaku memesannya dari negara jiran untuk kegunaan sendiri, dagangan itu kemudian ditahan untuk tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] kerana mengimport keluaran pertanian tanpa permit, lesen atau perakuan yang dikeluarkan di bawah akta ini.

Jika sabit kesalahan boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) akta sama, iaitu denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 6 tahun atau kedua-duanya.



SARANG burung walet bernilai RM4,000 yang dirampas Maqis.

Cubaan seludup sarang walit gagal

JOHOR BAHRU: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor berjaya mengagalkan cubaan menyeludup sarang burung walit seberat 11 kilogram (KG) yang bernilai RM4,000.

Pengarahnya, Nur Afifah A. Rahman berkata, sarang burung walit dari Indonesia itu cuba dibawa masuk oleh lelaki warga tempatan ketika pemeriksaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, semalam.

Katanya, perkara itu terbongkar melalui penemuan dua buah kotak susulan pemeriksaan dibuat pihaknya dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia di Pejabat Pos DHL Express Senai kira-kira pukul 12 tengah hari.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati dagangan berkenaan tidak mempunyai sebarang dokumen seperti permit import yang sah yang dikeluarkan oleh Maqis dan sijil kesihatan dari negara asal.

"Sarang tersebut dirampas dan kes akan disiasat di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana mengimport keluaran pertanian tanpa permit, lesen atau perakuan yang dikeluarkan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Nur Afifah berkata, pihaknya juga telah mengambil keterangan lelaki berusia 40-an yang membeli barang dagangan tersebut dan mendapati ia dibawa masuk untuk kegunaan sendiri.

Jelasnya, Maqis sentiasa komited menjalankan penguatkuasaan undang-undang di kesemua pintu masuk negara.

"Penguatkuasaan akan dipertingkatkan bagi memastikan kawalan penyakit ikan, haiwan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/9/2020	SINAR HARIAN	BISNES	30

Pasarkan serunding ke seluruh negara

Rashidah memanfaatkan teknologi digital jual produk, raih pendapatan sehingga RM20,000 sebulan

Oleh MOHD ISKANDAR OTHMAN

BUTTERWORTH

C'daa Serunding Moist Utara

Pengusaha: Rashidah Mohd Sultan
Lokasi: Butterworth, Pulau Pinang
Produk: Serunding daging dan ayam
Facebook: Serunding Moist Utara
WhatsApp: 011-1545 0518

Bergelar ibu tunggal selain perlu membesarkan dua orang anak termasuk seorang orang kelainan upaya (OKU) adalah antara cabaran yang terpaksa dilalui Rashidah Mohd Sultan, 35, dari Kampung Tekuk, Perai di sini.

Kesempatan hidup yang dihadapi selain perlu menyediakan perbelanjaan khusus untuk menjaga anak bongsunya yang menghidap autisme menjadi titik tolak buat Rashidah untuk cuba berniaga kecil-kecilan dengan harapan dapat mencari pendapatan sampingan sekali gus mengubah hidup keluarganya.

Tidak mahu mensia-siakan bakat memasak yang diwarisi daripada ibunya, Rashidah memilih untuk menghasilkan serunding daging dan ayam pada 2015 dengan menjual kepada kenalan dan rakan di tempat kerja.

Bermula dengan hanya mengeluarkan sekitar lima kilogram serunding sebulan, perniagaan Rashidah semakin hari semakin mendapat sambutan hingga beliau terpaksa mencari tenaga kerja untuk membantu menyediakan tempahan pelanggan.

"Alhamdulillah percubaan saya menjual serunding menjadi dan beroleh pendapatan tambahan. Ia membuatkan saya mahu mengusahakan perniagaan ini dengan lebih serius termasuk mendaftarkan perniagaan untuk menghasilkan produk jenama sendiri.

"Bagi memastikan serunding

dihasilkan dapat dipasarkan secara lebih meluas, saya memperkasakan lagi bungkus produk termasuk menghasilkan label tersendiri," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* di sini semalam.

Dengan menggunakan jenama C'daa Serunding Moist Utara, Rashidah kini dalam proses untuk mendapatkan premis yang lebih sesuai sebagai tempat untuk menghasilkan produk makanannya itu. Beliau juga mahu mendapatkan sijil Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI) daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

Mengakui tidak mudah untuk mengendalikan perniagaan ini, Rashidah berkata, pelbagai dugaan pernah beliau tempuhi sepanjang lima tahun bergelar usahawan.

Peralatan

Namun, beliau bersyukur apabila mendapat bantuan melalui Program Basmi Kemiskinan Rezeki Tani bimbingan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pulau Pinang dengan menerima pelbagai bantuan peralatan pada tahun 2019.



Salah seorang ejen yang memasarkan produk C'daa Serunding Moist Utara.



Rashidah memajukan produk yang dihasilkan.

"Bukan mudah kerana dalam masa yang sama saya perlu bekerja, menguruskan keluarga dan memastikan pengeluaran produk dapat dihasilkan dengan baik.

"Pernah suatu ketika serunding yang dihasilkan tidak menjadi, santan basi dan daging hancur," cerita beliau.

Ditanya mengenai pemasaran produknya, Rashidah berkata, jika sebelum ini ia hanya dijual kepada rakan terdekat, kini C'daa Serunding Moist Utara boleh didapati di kedai serbaneka, kedai runcit, stesen minyak terpilih termasuk beberapa restoran dan kedai makan di sekitar Pulau Pinang.

Melihat kepentingan promosi dan perubahan strategi pemasaran yang perlu dilakukan, Rashidah berkata, produknya itu turut dijual melalui aplikasi e-dagang seperti Shopee serta laman sosial selain ejen jualan di beberapa kawasan di negeri ini.

"Ketika negara se-

dang berdepan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ia secara langsung memberi kesan kepada perniagaan saya sehinggalah produk tidak dapat dijual.

"Namun, dengan memanfaatkan teknologi dan pemasaran digital, produk saya kembali terjual dan mendapat permintaan dari seluruh negara hingga mencapai pendapatan RM20,000 sebulan," katanya.

Bertekad mahu mengembangkan lagi perniagaannya, Rashidah berkata, beliau bercadang untuk menghasilkan produk baharu iaitu sambal daging carik yang dilihat mampu mendapat sambutan.

Enggan berasa selesa dengan pencapaian sekarang, usahawan wanita itu bercita-cita mahu memperluaskan lagi pasaran termasuk menembusi jualan di pasar raya terkemuka di seluruh negara.

"Pastinya serunding yang dihasilkan ini berbeza dan mempunyai cita rasa sendiri malah ia sesuai dihidangkan bila-bila masa sahaja dan bukan hanya pada musim perayaan.

"Dengan rasa pedas dan manis, C'daa Serunding Moist Utara boleh dimakan oleh semua peringkat umur," tambah beliau.



Serunding daging dan ayam yang kini mendapat tempat di pasaran.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/9/2020	HARAKAH	NASIONAL	5

Nelayan berijazah

Oleh
**USTAZAH
DR ASIAH ALI**
Pengarah ILHAM
PAS Pusat/AJK
LTPP



“TIADA apa yang mudah untuk dicapai tanpa melakukan pengorbanan sama ada dari segi modal, masa, tenaga, wang ringgit dan keluar-ga,” kata penerima anugerah Agropreneur Muda Jaya Peringkat Kebangsaan sempena Hari Peladang Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2015, Mohd Shukri Mohd Zahit.

Mohd Shukri adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Perikanan) dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Beliau menyatakan dengan menggunakan konsep berniaga secara berjamaah yang berasaskan perkongsian, kerjasama dan berpasukan, strategi ini membuahkan hasil positif dalam mengembangkan kerjayanya dalam industri perikanan di usia muda.

Modal membeli vessel (bot nelayan) memang besar,

tapi demi kecintaan saya untuk meneruskan legasi keluarga yang sudah lama terabit dalam industri perikanan saya anggap ia pelaburan masa depan.

Peranan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)

LKIM meminta nelayan di seluruh Negara supaya memperbanyakkan aktiviti penglibatan golongan muda dalam persatuan mereka bagi menarik minat belia bekerja sebagai nelayan laut dalam.

Ini sekali gus dapat mengekang pencerobohan hasil laut negara oleh pihak yang tidak bertanggungjawab terutama nelayan warga asing di laut dalam. Kemerostan jumlah nelayan yang berlaku sekarang ini pasti menjejaskan pendaratan ikan laut di masa akan datang.

Setakat ini jumlah nelayan turun ke laut yang mendaftar dengan LKIM seramai hampir 60,000 orang. Penglibatan lebih ramai golongan belia sebagai nelayan terutama di laut dalam untuk kelangsungan bekalan ikan di negara ini.

Ia juga sebagai peluang pekerjaan kepada belia. Aktiviti menangkap ikan laut

dalam memerlukan ketahanan fizikal golongan muda diperlukan berbanding dengan nelayan yang lebih berusia.

Seiring dengan perkembangan teknologi, golongan nelayan seharusnya berubah, mereka perlu mempunyai pemikiran untuk menceburi teknologi perikanan terbaru dan mempunyai vessel-vessel lebih moden dan canggih yang mampu membawa ke laut dalam.

Pencerobohan Nelayan Asing

Pencerobohan nelayan asing khususnya dari Vietnam dapat dikurangkan sekiranya nelayan tempatan mengambil peluang meningkatkan tangkapan hasil laut di perairan sendiri.

Tindakan pihak berkuasa Malaysia menangkap nelayan asing yang menceroboh perairan Negara tidak dapat menyelesaikan masalah tanpa ada peranan daripada nelayan tempatan. Dengan penggunaan peralatan menangkap ikan yang lebih canggih dan berteknologi tinggi.

High cost of wasting food

THE Covid-19 pandemic has brought to the fore the issue of food security. In July, a joint analysis by the UN Food and Agriculture Organisation (FAO) and World Food Programme (WFP) revealed that 27 countries are at high risk of – and in some cases are already seeing – significant food security deterioration in the coming months, including rising numbers of people pushed into acute hunger. These included countries in Asia, Africa, the Americas and Middle East.

Fortunately for us, Malaysia isn't in the list. However, Malaysians are still worried about not having enough food during this crisis.

When the announcement to impose the movement control order (MCO) to curb the spread of Covid-19 was made, people immediately worried about whether they would have enough food throughout the period – and a run for supermarkets, grocery stores and other retail outlets ensued.

Actually, food crisis is an ongoing problem worldwide. We can blame

climate change, conversion of farm lands for industrial usage or even water shortage for the problem. But human consumption is also a huge contributor to food insecurity. In this aspect, food waste or food that is not eaten is one of the key factors.

Putting food on the plate is simple for most Malaysians. With prices being quite affordable, Malaysians tend to discard food without much thought. This is evident in the amount of leftovers at food outlets and even at home, especially during large gatherings.

From 2013 to 2018, the cost of food imports in Malaysia increased from RM43bil to RM54bil. The imported items included rice, beef, lamb, mango, cabbage, chilli and coconuts, which are parts of our staple food.

Our consumption habits must be corrected in order to prevent food waste. Experience shows that passive awareness campaigns such as talks and handouts are less impactful in achieving the required behaviour change. More active

campaigns, such as educational sessions that present information directly to individuals and are designed to reach multiple groups, are more successful. Education from childhood is the most effective way to build food-saving behaviour.

Using a food diary could also be an efficient tool for individuals to monitor their leftovers after each meal. Using a food diary app would make monitoring easier, as we found out after conducting a survey on food waste involving 279 participants in Penang. The participants were required to record their lunch and dinner for five days in a week. The details included the types of food they consumed, amount of food they finished and the types of leftovers.

Seventy-four percent of participants recorded leftovers in their food diaries for five consecutive days, 27.3% believed that using food diaries increased their awareness of food waste to some extent, and 13.8% reported that they

would change their dietary habit and reduce food wastage.

As a public measure to reduce food waste, charges could be imposed by the relevant authorities on the amount of leftovers. Charges on food leftovers have significantly reduced waste in several countries, including South Korea where the government uses legislation and technology to solve the problem.

South Koreans must categorise their food wastes before putting them into specific bags with RFID chips for disposal. Due to the high price of the waste bags, people have found more efficient ways to handle food waste, such as recycling and composting.

From an environmental perspective, solving the food waste problem can reduce pollution as well.

ANG WEI ZHI
and **DR HONG MEEN CHEE**
Graduate School of Business
Universiti Sains Malaysia
Minden

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/9/2020	UTUSAN MALAYSIA	NASIONAL	13

'Kami Anak Malaysia' bergema di puncak Bukit Panau

TANAH MERAH: Sekumpulan pendaki mengambil inisiatif mengekspresikan semangat patriotik mereka sempena Hari Malaysia yang disambut semalam dengan cara melaungkan 'Kami Anak Malaysia' di puncak Bukit Panau dekat sini.

Laungan penuh bangga disusuli kibaran Jalur Gemilang merupakan sebahagian daripada program Merdeka@Komuniti: Hiking di Bukit Panau anjuran Jabatan Penerangan Daerah Tanah Merah.

Pegawai Jabatan Penerangan Tanah Merah, Wan Arif Fadhi-la Wan Yusof berkata, pendakian santai setinggi 220 meter ke puncak Bukit Panau sambil membawa Jalur Gemilang itu melibatkan 130 peserta mewa-

kli pelbagai agensi kerajaan.

Antara agensi terlibat Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS), Jabatan Bella dan Sukan, Hospital Tanah Merah (HTM) dan Giat Mara Tanah Merah serta wakil-wakil masyarakat setempat.

"Objektif program Merdeka@Komuniti ini adalah untuk mengeratkan hubungan komuniti antara agensi kerajaan dan juga golongan belia di Tanah Merah melalui pendakian di Bukit Panau.

"Kami cuba membangkitkan rasa semangat patriotik peserta dengan cara mendaki bersama Jalur Gemilang dan mengibarkannya di puncak Bukit Panau," katanya ketika ditemui selepas majlis perasmian program tersebut di sini semalam.



PESERTA program Merdeka@Komuniti melaungkan 'Kami Anak Malaysia' dengan penuh semangat di puncak Bukit Panau, Tanah Merah, Kelantan, semalam. - UTUSAN/BAHRUDDIN HATTA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/9/2020	NEW STRAITS TIMES	NATION	13

Bernas gives rice, money to families

JOHOR BARU

IN the spirit of the Merdeka Month, Padiberas Nasional Bhd (Bernas), through its corporate social responsibility programme, has extended assistance to more than 50 families of all races in the Taman Cendana Flat residential area in Pasir Gudang.

Southern Region operations manager Noor Khaliq Abdul Rahman said the initiative was done to help the local community affected by the Covid-19 epidemic.

"The Covid-19 pandemic has not only affected the health but also the income of individuals and households.

"Therefore, Bernas has taken the initiative to cheer them up in Taman Cendana with donations in the form of money and daily necessities.

"Apart from being close to our warehouse operations, this residential area houses various races and at the same time it is in line with the concept of the Merdeka Month celebration," he said.

Bernas Corporate Communications Department head Rosniza Baharum said: "Previously, Bernas Prihatin had assisted several farmers in Sekinchan, Selangor and Pasir Puteh, Kelantan.

"This time we went to Pasir Gudang, Johor Baru, to provide assistance to those in need, especially during the recovery phase that we are going through at the moment."

Working together with the Taman Cendana Residents Welfare Body, Bernas identified more than 50 families in dire need and six of them were disabled.

Many of them had also lost their source of income since the Movement Control Order began in March.



Bernas Corporate Communications Department head Rosniza Baharum (fourth from right) distributing donations from Bernas to residents at Taman Cendana, Pasir Gudang in Johor yesterday. With her is Southern Region operations manager Noor Khaliq Abdul Rahman (right). PIC COURTESY OF BERNAS

"Rice and Malaysian society are inseparable. It is one of the sources of carbohydrates that give us energy. Bernas has provided two types of rice, Basmati rice and also local white rice, that can help provide them with energy," added Rosniza.

One of the recipients, Bunga Osman, 61, expressed gratitude for the donations.

"Alhamdulillah, thank you for this contribution.

"It will surely help us, especially

since I have no source of income and can only depend on the help provided by the government in continuing daily life."

Bunga also took care of her friends who needed proper health-care.

Meanwhile, another recipient, Krisnaama Perumat, 52, thanked Bernas for the money and items.

"After losing my husband two years ago, my source of income had been quite limited. The contribution

from Bernas will definitely help my family," she said.

Rosniza said Bernas would continue with the programme in the future.

"In addition to helping those in need, this programme is a medium to strengthen the relationship between Bernas and the local community.

"Yesterday, 20 employees from the Bernas headquarters and Bernas warehouse in Pasir Gudang

went down to the field to realise this programme," she added.

In addition to its role of buying padi from farmers at a guaranteed minimum price and acting as the last buyer of padi from farmers, Bernas will continue to maintain its social obligation responsibilities such as stockpile management, managing the Bumiputera Manufacturers and Wholesalers Scheme and Subsidy Scheme Management for Farmers.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/9/2020	HARIAN METRO	BISNES	24

50 keluarga terima sumbangan

Bernas agih bantuan kepada keluarga terkesan akibat Covid-19

Kuala Lumpur

Padiberas Nasional Berhad (Bernas) memainkan peranan dengan mengagihkan bantuan kepada lebih 50 keluarga yang terjejas akibat pandemik Covid-19 sebagai sebahagian tanggungjawab sosial korporatnya.

Program berkenaan yang diadakan di kawasan kediaman Flat Taman Cendana, Pasir Gudang, Johor Bahru itu membabitkan lebih 50 keluarga berbilang kaum.

Pengurus Operasi Wilayah Selatan, Noor Khaliq Abdul Rahman berkata, inisiatif itu dilakukan bagi membantu masyarakat setempat yang terkesan akibat penularan Covid-19.

"Pandemik Covid-19 bukan saja menjejaskan kesihatan, malah ia turut memberi kesan kepada pendapatan individu dan isi rumah."

"Oleh itu, Bernas mengambil inisiatif mencerikan mereka di Taman Cendana ini dengan sumbangan berbentuk wang dan barangan keperluan harian.

"Selain berhampiran dengan gudang operasi kami, kawasan perumahan ini meletakkan pelbagai kaum sekali gus ia bertepatan dengan konsep bulan



NOOR Khaliq (kanan) dan Rosniza (empat dari kanan) bersama penerima sumbangan daripada Bernas.

kebangsaan yang disambut," katanya dalam kenyataan.

Sementara itu, Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Bernas, Rosniza Baharum berkata, sebelum ini, Bernas Prihatin menemui beberapa pesawah di Sekinchan, Selangor dan Pasir Puteh, Kelantan.

"Kali ini kami ke Pasir Gudang bagi menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan, teruta-

ma ketika fasa pemulihan yang kita lalui ketika ini," katanya.

Menurutnya, dengan kerjasama Badan Kebajikan Penduduk Taman Cendana, pihaknya mengenal pasti keluarga yang memerlukan bantuan termasuk enam daripada mereka adalah golongan kurang upaya (OKU).

"Ramai di antara mereka juga hilang punca pendapatan sejak Perintah Kaw-

lan Pergerakan (PKP) dijalankan pada Mac lalu.

"Beras dan masyarakat Malaysia memang tidak dapat dipisahkan, ia menjadi salah satu sumber karbohidrat yang memberi tenaga kepada kita.

"Sehubungan itu, Bernas menghulurkan dua jenis beras seperti beras basmati dan beras putih tempatan yang dapat membantu memberi sumber tenaga kepada mereka," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/9/2020	HARIAN METRO	BISNES	23



UTAMAKAN perbelanjaan kepada penjual dalam talian tempatan.

JUALAN LEBIH RM400J

Shop Malaysia Online bantu peruncit, peniaga tempatan jana pendapatan

Kuala Lumpur

Inisiatif *Shop Malaysia Online* Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) membantu peruncit dan peniaga tempatan menjana jualan lebih daripada RM400 juta melalui pelbagai platform e-dagang.

Bagi kempen E-Dagang Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PKSM) Penjana pula, ia memberi manfaat kepada lebih 90,000 PKSM baharu dan sedia ada melalui latihan, subsidi penjual serta sokongan jualan me-

lalui 20 platform e-dagang yang terbabit.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Surina Shukri berkata, MDEC komited meningkatkan kemahiran rakyat Malaysia dalam digital supaya mereka bersedia dengan pengetahuan yang diperlukan bagi memperkasakan perniagaan mereka melalui pendigitalan.

"Melalui kempen e-dagang PKSM Penjana, kami berusaha untuk menyediakan mereka dengan kaedah pengemudian dalam

90,000

PKSM baharu dan sedia ada dapat manfaat

persekitaran perniagaan baharu ini termasuk peluang pengembangan dalam pasaran domestik dan secara beransur-ansur ke pasaran antarabangsa," katanya dalam kenyataannya.

Menurutnya, kedua-dua

inisiatif e-dagang itu dilancarkan oleh MDEC di bawah Penjana dengan peruntukan kerajaan sebanyak RM140 juta.

Kira-kira 20 platform e-dagang menyertai kempen E-Dagang PKSM Penjana.

Mengenai *Shop Malaysia Online*, sejumlah 22 rakan kongsi e-dagang mengambil bahagian dengan hampir lima juta pengguna mendapat manfaat daripada program berkenaan.

Katanya, pihaknya meminta orang ramai untuk mengutamakan perbelanja-

an mereka kepada penjual dalam talian tempatan melalui inisiatif *Shop Malaysia Online* kerana ia menawarkan tawaran hebat serta baucar diskaun yang boleh didapati di platform e-dagang yang mengambil bahagian.

"Dengan menyertai *Shop Malaysia Online*, pengguna sebenarnya sedang menjalankan peranan mereka bagi menyokong perniagaan tempatan dalam menangani cabaran Covid-19 serta membantu pemulihan ekonomi," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/9/2020	SINAR HARIAN	NASIONAL	12

Pantau Sungai Kim Kim elak pencemaran berulang

PASIR GUDANG - Operasi dan pemantauan secara berkala terhadap 274 kilang di sepanjang jajaran Sungai Kim Kim di sini perlu dilakukan berikutan pencemaran udara didakwa masih berlaku di daerah itu.

Pengerusi Sahabat Kanser Pasir Gudang, Zarina Abdullah berkata, pihak berkuasa antaranya Jabatan Alam Sekitar (JAS), Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), pihak industri serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) harus sentiasa melakukan pemeriksaan.

Menurutnya, pihaknya bimbang sekiranya pemantauan diabaikan atau diambil mudah, pencemaran terbaharu Sungai Kim Kim akan berulang malah lebih teruk daripada sebelumnya.

“Kita dapati bau bahan kimia masih boleh dihidu pada sebelah pagi terutama di kawasan yang berdekatan industri. Ini perlu diberi perhatian dan tidak harus menunggu sehingga penemuan bahan sisa buangan baharu.

“Berdasarkan kajian, kesan menghidu bahan kimia akan diketahui dalam

tempoh lima atau enam tahun,” katanya kepada pemberita pada Majlis Pelancaran Badan Gabungan NGO Pasir Gudang di Taman Rinting di sini semalam.

Hadir sama Pengerusi Yayasan Pasir Gudang, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Gelombang pertama pencemaran Sungai Kim Kim berlaku pada 7 Mac tahun lalu apabila pelajar di Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Pasir Putih, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pasir Putih dan Tadika Bestari mengalami pening kepala, loya, muntah dan pengsan.

Pada 11 Mac tahun lalu, gelombang kedua berlaku dikesan di dua sekolah tersebut sebelum keesokannya merebak. Keadaan bertambah parah apabila pelajar dari sembilan sekolah lain turut mengalami nasib yang sama.

Keadaan tersebut bertambah buruk dan Kementerian Pendidikan pada 13 Mac tahun lalu mengarahkan semua 111 sekolah di daerah itu ditutup diikuti semua institusi pengajian tinggi.



Hasil pertanian dikongsi bersama



RENCANA UTAMA
Yusuf Yusoff, Menteri Kanan Pertanian

SEMAK pingat dan hadiah kepada petani yang berjaya dalam usaha meningkatkan hasil pertanian di kawasan ini. Menteri Kanan Pertanian, Yusuf Yusoff, telah menyerahkan pingat dan hadiah kepada petani yang berjaya dalam usaha meningkatkan hasil pertanian di kawasan ini.



BERKUALITI DAN BERKANTON berkesan membina Persekitaran Pertanian yang Selamat dan Berkeadilan. Menteri Kanan Pertanian, Yusuf Yusoff, telah menyerahkan pingat dan hadiah kepada petani yang berjaya dalam usaha meningkatkan hasil pertanian di kawasan ini.

RENCANA UTAMA
Yusuf Yusoff, Menteri Kanan Pertanian

SEMAK pingat dan hadiah kepada petani yang berjaya dalam usaha meningkatkan hasil pertanian di kawasan ini. Menteri Kanan Pertanian, Yusuf Yusoff, telah menyerahkan pingat dan hadiah kepada petani yang berjaya dalam usaha meningkatkan hasil pertanian di kawasan ini.



BUNCI mengumpul paku-paku pingat di dalam kemudi yang disediakan di blok Kertanegara.



MORANG dan Kemang (PM) mendapat tabung dana perkhidmatan petani yang besar.

RENCANA UTAMA
Yusuf Yusoff, Menteri Kanan Pertanian

SEMAK pingat dan hadiah kepada petani yang berjaya dalam usaha meningkatkan hasil pertanian di kawasan ini. Menteri Kanan Pertanian, Yusuf Yusoff, telah menyerahkan pingat dan hadiah kepada petani yang berjaya dalam usaha meningkatkan hasil pertanian di kawasan ini.

SALIN mempromosikan dan membina budaya pertanian kampung yang berkesan di sekitar kawasan tersebut.



MURAHAN KUALI

Ruang terhad bukan alasan tak bertani

RENCANA UTAMA
Yusuf Yusoff, Menteri Kanan Pertanian

SEMAK pingat dan hadiah kepada petani yang berjaya dalam usaha meningkatkan hasil pertanian di kawasan ini. Menteri Kanan Pertanian, Yusuf Yusoff, telah menyerahkan pingat dan hadiah kepada petani yang berjaya dalam usaha meningkatkan hasil pertanian di kawasan ini.

RENCANA UTAMA
Yusuf Yusoff, Menteri Kanan Pertanian

SEMAK pingat dan hadiah kepada petani yang berjaya dalam usaha meningkatkan hasil pertanian di kawasan ini. Menteri Kanan Pertanian, Yusuf Yusoff, telah menyerahkan pingat dan hadiah kepada petani yang berjaya dalam usaha meningkatkan hasil pertanian di kawasan ini.